

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# BARISAN 20 CAHAYA TATAP TERKALAH BER

## FOKUS KHAS MENJELANG PILIHANRAYA WILAYAH PERSEKUTUAN

Tinjauan:

- 1) SITI BIDAYAH AHMAD
- 2) RUHANIE HAJI AHMAD
- 3) SHAFIE NOR



■ ENIK GHAFAR BABA



■ Enik Sulaiman Alias



■ Haji Idris Ibrahim



■ Dr. Tan Tiong Hong



■ Senator Abdul Razak

Barisan Nasional untuk menawan kawasan tersebut, diramalkan cerah.

Di segi UMNO pula, Setapak yang kini dalam tangannya, perlu dipertahankan. Calonnya mesiliah seladang dengan kaliber Tan Koon Swan, jutawan MCA yang mengendalikan Multi Purpose Holdings, kepunyaan MCA.

Pada pandangan kita, tokoh UMNO yang layak ditetulkan bertanding mewakili Barisan Nasional di Setapak ialah Enik Ghafar Baba, Setiausaha Agung Barisan Nasional.

### Wilayah Persekutuan secara langsung menjadi minat BN menebus kekalahannya di pilihanraya lalu

Sekalipun Enik Ghafar tidak sebahat Tan Koon Swan, tetapi keupayaan dan kejayaannya mengendalikan Kompleks Kewangan Bumiputera dan MARA dulu, dibanggakan. Sekiranya Enik Ghafar tidak mahu melepaskan kawasan Parlimen Jasraj yang diwakilinya sekarang, orang UMNO yang juga layak ditetulkan di Setapak ialah Enik Sulaiman Alias, Pengerusi Lembaga Polesan Jabatan Pengangkutan Jalan (LPPJ).

Enik Sulaiman yang tidak asing lagi dalam arena politik UMNO, tidak kurang kemampuannya. Beliau dianggap orang yang tahu setiap inci kedudukan tanah di Wilayah Persekutuan sekarang.

Malah, dalam kursus politik anjuran UMNO Bahagian Setapak baru-baru ini, Enik Sulaiman dapat terperinci dan menyeluruh menghuraikan tentang kedudukan tanah di Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun, setbacks ini, kita belum dapat tahu tentang kedudukan Haji Idris Ibrahim yang mewakili kawasan Setapak sekarang.

Begitu juga kedudukan Dr. Tan Tiong Hong yang dapat menawan kerusi Parlimen Kepong dari pembangkang dalam pilihanraya umum 1978.

## Kekalahan Barisan Nasional di pemilihan lalu bukanlah kerana kekuatan DAP, sebaliknya, adalah akibat perpecahan di kalangan orang Melayu

Kemenangan Dr. Tan dulu adalah atas tiket Gerakan, tetapi beliau kini menjadi anggota MCA pula.

Bagaimana pula dengan kerusi Damansara?

DAP telah mengambil keputusan bahawa Ahli Parlimennya di kawasan itu, Enik V. David, sudah tidak layak diberi peluang mempertahankan kawasan tersebut. Beliau sudah kehilangan pengaruh.

UMNO Damansara, sebaliknya, telah awal-awal lagi berhasrat agar Damansara di

### Setidak-tidaknya, BN mahu merebut kembali Damansara, Kuala Lumpur Bandar dan Sungai Besi

berikan kepada UMNO di pilihanraya ini. MIC, yang tewas di tangan Enik David 1978 lalu, perlulah diberi peluang sekali lagi?


Dan lagi, bagaimana pula kedudukan sekiranya MIC bertanding kali ini ditentang oleh calon DAP yang baru, beraisngan pula dengan seorang calon PAS dan mungkin juga bekas?

Kekalahan Barisan Nasional di pemilihan lalu bukanlah kerana kekuatan DAP. Sebaliknya, akibat perpecahan di kalangan orang Melayu. Jadi, mungkinkah Barisan dapat menawan semula kerusi ini?

Memang Barisan Nasional sering menyuarakan bahawa pengundi tidak seharusnya memilih sikap calon yang dipertandingkan. Lantas, mereka perlu mengotong parti itu sendiri, berlabangkan dacing keadilan.

Bolehkah gesaan seperti ini berkesan sekiranya Senator Bagé Abu Samah tidak bertanding di Damansara, sekiranya Haji Idris tidak bertanding di Setapak, sekiranya Dr. Tan Tiong Hong tidak lagi mendapat kerusi Kepong?

Di Kuala Lumpur Bandar pula, mungkinkah sokongan pengundi Cina terhadap Barisan Nasional bertambah dan akan menang sekiranya



■ Peta kawasan Wilayah Persekutuan.

Enik Lee Lam Thye tetap mempertahankan kubunya?

Di Sungai Besi, bolehkah Chan Kok Kit menerima undi simpati lagi dan mencatatkan majoriti undi yang agak besar, kerana beliau sekarang sudah keluar dari tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dan bolehkah juga beliau menang sekiranya MCA mengemukakan calon yang gagah dan berpengaruh di kawasan itu?

Kini, eloklah kita tinjau kekuatan Barisan Nasional di kelima kawasan Parlimennya di Wilayah Persekutuan dan bagaimana pula sensitifnya pengundi di kawasan tersebut.

**DAMANSARA:**  
Kawasan Parlimen ini mempunyai lebih kurang 28,511 pengundi Melayu atau 39 peratus, 30,900 pengundi Cina (42.4 peratus) dan 18,400 pengundi India (18.4 peratus).

Bolehkah Barisan Nasional menang sekiranya DAP mengemukakan calon Enik Berjaya? Barisan Nasional kalon MIC tetap dibenah bertanding? Mungkinkah calon UMNO akan terpilih dan menang jika PAS bertanding?

Di pemilihan tahun 1978, calon Barisan Nasional, Senator S. Subramaniam, dari MIC menerima 16,239 undi, V. David dari DAP memperoleh 21,462 undi, calon PAS mendapat 5,886 undi, sementara Pemas mendapat 161 undi sahaja.

**SETAPAK:**  
Kawasan ini mempunyai hampir 60 peratus pengundi Melayu, 36 peratus Cina. Haji Idris Ibrahim menang kerana calon PAS menemui kesulitan teknikal sewaktu mendaftar kertas pencalonan.

Mungkinkah Haji Idris dapat bertahan sekiranya PAS bertanding kali ini? Mahukah DAP menebus nasib di sini?

Kini, 33 dari 50 kawasan UMNO Setapak telah mengambil ketetapan supaya Haji Idris bertanding semula. Bolehkah calon BN, selain Haji Idris, mendapat sokongan, sekiranya pucuk pimpinan mengambil keputusan mencalonkan muka baru?

**KUALA LUMPUR BANDAR:**  
Jaguh DAP, Enik Lee Lam Thye, yakin beliau akan menang kerana 80 peratus dari penguninya kaum Cina yang simpati dengannya. MCA pula mendakwa kedudukannya untuk menang adalah 50:50 kerana kebanyakkan

masyarakat Cina di kawasan tersebut kini mula menerima pengaruh Barisan Nasional. Pemertihan politik dengan MCA akan kemenangan DAP di Kuala Lumpur Bandar bukanlah kerana masyarakat Cina simpati dengan DAP. Tetapi, mereka menerima Lee Lam Thye walaupun dari apa parti sekalipun MCA mendakwa, pihaknya kini dapat men pelajari rahsia kejayaan Lee Lam Thye dan sudah pun mempunyai calonnya.

**SUNGAI BESI:**  
Kawasan ini mempunyai 70 peratus pengundi Cina. Chan Kok Kit menang kerana undi simpati dan mungkin undi protek. Tetapi dalam pemilihan 1978, beliau hanya ditentang oleh seorang calon bebas kerana calon MCA Midah boleh bertanding akibat kesalahan teliti dalam kertas pencalonannya. Bagaimanakah sekiranya PAS bertanding untuk mengungguli Melayu, mengemukakan tokoh berpengaruh dan terdapat pula calon Bebas kali ini?

**KEPONG:**  
Di sini terdapat 70 hingga 75 peratus pengundi Cina dan hanya 17 peratus pengundi Melayu. Wakilnya sekarang, Dr. Tan Tiong Hong, melompat ke MCA, sedangkan kerusi itu adalah hak Gerakan.

Maka, komponen Barisan Nasional yang manakah akan dipertandingkan di sana? MCA mungkin mahu kerusi itu ditukar dengan Kuala Lumpur Baru yang dimenangi oleh Datuk Michael Chen, kini melompat ke Gerakan.

Tidaklah kekusutan seperti ini akan memelahirkan sokongan Barisan Nasional? Mungkinkah Kekangan dan DAP atau calon Bebas keturutan Cina akan mencuba nasib menjadikan pertandingan empat penjuru?

Pengambilan sepiantas itu ini seharusnya dijadikan oleh pemimpin Barisan Nasional peringkat kawasan di Wilayah Persekutuan, sebagai garis panduan untuk mereka mengunggulkan calon. Bolehkah bertanding baharu merangka strategi tempatan dan melepaskan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Adalah menjadi hakikat yang harus diterima bahawa kekalahan Barisan Nasional di pilihanraya tahun 1978, bukanlah kerana kekuatan pembangkang. Tetapi, akibat perpecahan dan kurangnya persefahaman serta penyelarasan dari segi tindakan di kalangan Barisan Nasional.